

Nama: Mesyuarat Antarabangsa Marine Environment Protection Committee (MEPC 71)

Tarikh: 3 - 7 JULAI 2017

Tempat: Ibu Pejabat, International Maritime Organisation (IMO), London

Anjuran: International Maritime Organisation (IMO)

Ringkasan: Marine Environment Protection Committee 71 (MEPC) Telah Bersidang Bermula Pada 3 Julai Hingga 7 Julai 2017 Bertempat Di Ibu Pejabat, International Maritime Organisation (IMO), London. Persidangan Ini Merupakan Persidangan Antarabangsa Yang Membincangkan Isu Dan Penyelesaian Terhadap Impak Perkapalan Terhadap Alam Sekitar Marin, Dan Antara Isu Yang Dibahaskan Yang Mempunyai Kepentingan Kepada Negara Adalah Ballast Water Management (BWM), Green House Gas (GHG) Emissions Dan Particularly Sensitive Sea Area (PSSA).

97 Delegasi Dari 172 Buah Negara Ahli, Pertubuhan Antarabangsa, Badan Bukan Kerajaan Dan Komuniti Perkapalan Telah Menyertai MEPC 71. Seramai 12 Orang Delegasi Dari Malaysia Menyertai Persidangan Ini Diketuai Oleh Kapten Mohamad Halim Ahmed, Atase Maritim Malaysia Dan Dianggotai Oleh Perwakilan Dari Pejabat Atase Maritim, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Ke United Kingdom, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), Institut Maritim Malaysia (MIMA) Dan Malaysian Ship-owner Association (MASA).

Antara Fokus Utama Kehadiran Ke Mesyuarat Ini Adalah Berkaitan Cadangan Pulau Kukup -Tanjung Piai (PK-TP) Sebagai Kawasan Particularly Sensitive Sea Area (PSSA) Di Peringkat Antarabangsa.

PSSA PK-TP Adalah Kawasan Unik Yang Menyokong Perikanan, Akuakultur Dan Pelancongan. Seluas Lebih Daripada 60 Km Persegi Kawasan Perairan Diantara PK-TP Dicadangkan Sebagai Kawasan PSSA Dan 2 Langkah Kawalan Atau Associated Protective Measures (APMS) Dicadangkan Iaitu Kawasan Larangan Atau Areato Be Avoided (ATBA) Dan Tidak Boleh Berlabuh Atau Mandatory No Anchoring Area (MNAA).

Kertas Cadangan PSSA PK-TP Telah Disebut Pada 6hb Julai 2017 Di IMO MEPC 71 Dan Mendapat Sokongan Di Peringkat Antarabangsa Dari Negara Ahli.

Kertas Tersebut Telah Di Bahaskan Di Mesyuarat Kumpulan Teknikal Yang Diwujudkan Di Bawah IMO MEPC 71 Yang Di Pengerusikan Oleh Dr. A. Makinen Dari Negara Finland Dan Seterusnya Akan Di Bawa Ke IMO Navigation Communication, Search And Rescue (NCSR) Ke 5 Pada Bulan Februari 2018 Untuk Perbincangan Teknikal Berkaitan APMS Serta Mendapatkan Persetujuan Dari Negara Ahli IMO Untuk Diendos Ke Peringkat Yang Lebih Tinggi. Persetujuan Dari Negara-Negara Yang Menggunakan Perairan Selat Melaka.

Untuk Makluman, PSSA Adalah Kawasan Yang Memerlukan Perlindungan Khas Dari Pihak International Maritime Organisation (IMO) Disebabkan Oleh Nilai Ekologi, Nilai Ekonomi Dan Saintifik Yang Boleh Terjejas Akibat Aktiviti Perkapalan Antarabangsa Terutamanya Tumpahan Minyak, Pembuangan Sampah Dan Lambakan Saw Dust Atau Habuk Kayu Ketika Mencuci Kapal Dan Hakisan.



